

07 JUL 1998

Anwar-Pertumbuhan

M'SIA KAJI SEMULA UNJURAN PERTUMBUHAN

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata adalah perlu untuk mengkaji semula unjuran pertumbuhan Malaysia bagi 1998 daripada ramalan 2.0 hingga 3.0 peratus sebelum ini.

Beliau tidak menyebut sebarang angka tetapi berkata ia akan diumumkan tidak lama lagi.

"Tetapi kerajaan akan cuba merangsang ekonomi dengan mewujudkan dana-dana baru seperti Danaharta dan langkah-langkah lain," kata beliau kepada pemberita selepas hari pertama dialog Belanjawan 1999 di sini.

Ditanya sama ada negara akan mencatatkan pertumbuhan negatif bagi seluruh tahun 1998 seperti apa yang telah berlaku dalam suku pertama tahun ini, Anwar berkata, "Kita berharap tidak memasuki tahap negatif. Kita sedang mengkaji angka-angka dan ingin tahu secepat mana pakej galakan (terbaru negara) dapat dilaksanakan."

Ke arah matlamat itu, katanya adalah amat penting bahawa semua agensi dan jabatan mengambil langkah-langkah mempercepatkan pelaksanaan projek-projek dan kelulusan.

Anwar berkata dalam masa yang sukar sekarang, perjumpaan harian diadakan antara beliau dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana sokongan menyeluruh diperlukan.

Beliau juga berkata seseorang itu tidak seharusnya bersikap terlalu sensitif mengenai Perdana Menteri memandu ekonomi kerana "kami bekerja dengan berkesan sebagai satu pasukan."

-- BERNAMA

AA OS PR